



AMALAN PENDIDIKAN DI SEKOLAH DI ENGLAND. SATU PENGALAMAN DAN PANDANGAN

Haji Mohamad Kamaludin bin Taib
Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya

ABSTRAK

Penghantaran 30 orang pengetua, penolong kanan dan pensyarah ke King's College London, England pada akhir tahun 2007 bagi mengikuti kursus 'post-graduate certificate in school leadership and management' telah membuka lembaran sejarah baru dalam pendidikan negara. Kursus ini telah memberi ruang dan peluang kepada peserta kursus untuk melihat secara dekat amalan-amalan pendidikan yang digunakan di dalam sistem persekolahan di England, khususnya di kawasan dan sekitar London. Pengalaman dan dapatan yang diperolehi melalui program ini amat bermakna. Antaranya ialah pendedahan mengenai struktur dan peringkat persekolahan, isu dan konsep 'school based management' (SBM) yang menyamai konsep autonomi, amalan pengurusan dan pentadbiran di sekolah khususnya yang berkaitan kewangan, sumber manusia, kurikulum, pengurusan pelajar, pemilihan dan kemasukan pelajar, serta inisiatif lain seperti 'School Improvement Partner' (SIP) dan 'Specialist school'. Kertas ini, secara ringkas, cuba mengemukakan enam dapatan umum dalam aspek peringkat persekolahan, struktur pentadbiran dan pengurusan sekolah, 'school-based management' (SBM), dasar "Every Child Matters", program 'specialist school', badan penaziran (OFSTED) dan program 'School Improvement Partner' (SIP).


1. PENDAHULUAN

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dilancarkan pada 16 Januari 2006 telah menggariskan 6 teras utama dalam tempoh 2006 -2010. Satu daripada enam teras tersebut ialah teras yang ke-6 iaitu 'Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan'. Pewujudan sekolah kluster bertujuan melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia dan membangun sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kluster yang sama dan sekolah lain di luar klusternya. Tinjauan literatur menunjukkan bahawa amalan mengelompokkan sekolah dilaksanakan di luar negara untuk peningkatan kualiti pendidikan. Sekolah kluster ialah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid (Laman Web KPM, 2008). Pengelompokan yang dilaksanakan di luar negara adalah berasaskan lokaliti ataupun kecemerlangan.

Pada 30 Mac 2007, senarai 30 buah Sekolah Kluster telah diumumkan oleh YB Menteri Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu juga seramai 27 orang pengetua, 2 orang penolong kanan dan seorang pensyarah Institut Aminuddin Baki telah dihantar mengikuti kursus kepimpinan di King's College London (KCL), London selama dua bulan pada 13 Oktober 2007 hingga 8 Disember 2007. King's College London adalah salah sebuah Universiti yang terkemuka di dunia khususnya dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

2. MODUS OPERANDI KURSUS

Kursus ini dinamakan 'post-graduate certificate in school leadership and management' dan dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah King's College London, kampus Waterloo, London. Peserta kursus menjalani pendedahan teori dan pembentangan 3 hari dalam seminggu dan dua hari diperuntukkan untuk program 'school attachment' di mana peserta berpeluang berada di sekolah-sekolah terpilih di sekitar London bagi melihat amalan pengurusan dan kepimpinan sekolah secara 'hands on'. Semasa program 'attachment' ini, peserta kursus dapat melihat bagaimana sekolah berkenaan dipimpin dan diurus. Pendekatan dialog dan temuramah kepada guru, pelajar, ahli lembaga pengurusan dan persatuan ibu bapa dan guru digunakan bagi mendapatkan maklumat dan amalan sekolah secara terperinci. Semasa 'attachment' ini, peserta juga berpeluang untuk menghadiri mesyuarat pengurusan sekolah misalnya mesyuarat Senior Leadership Team (SLT), School Governing body, Head of Years/Faculties (HOD/HOF), mesyuarat panitia dan juga mesyuarat guru. Peserta juga berpeluang menghadiri kelas dan sesi P & P bagi pelbagai peringkat pelajar. Di samping itu, pada setiap minggu



beberapa orang pengetua cemerlang dan yang telah terbukti berjaya dan menerima pelbagai anugerah di sekolah masing-masing mendedahkan pengalaman masing-masing dan juga berdialog dengan peserta kursus. Berdasarkan scenario yang dibina, setiap peserta kursus, mengikut kumpulan akan berpeluang membentangkan pandangan dan penyelesaian terhadap scenario yang diberikan. Peserta kursus juga dikehendaki untuk menyediakan dua kertas penulisan yang memerlukan kajian ringkas literatur berdasarkan tajuk-tajuk yang diberikan di samping membuat laporan terhadap dapatan dan penemuan semasa program 'attachment' di sekolah. Secara praktisnya, peserta kursus telah memulakan kursus selama sebulan di IAB untuk membuat persediaan sebelum bertolak ke London dan juga sebulan selepas balik dari London bagi menyelesaikan tugas-tugas penyediaan laporan dan juga kertas tugas kursus.

3. PERINGKAT PERSEKOLAHAN DI ENGLAND

Secara ringkasnya, prasekolah di England bermula seawal umur dua tahun hinggalah ke lima tahun (Lihat Appendik A). Di samping itu wujud juga sistem 'nursery' yang disediakan oleh kerajaan dan swasta untuk kanak-kanak berumur dua hingga 5 tahun. Pendidikan rendah bermula seawal umur 5 tahun hinggalah 11 tahun. Umumnya peringkat persekolahan adalah seperti berikut:

- Pendidikan Rendah : Tahun 1 (Tahun 1 di sini bermaksud Year 1 atau Darjah 1) hingga Tahun 6 dan bagi peringkat umur 5 tahun hingga umur 11 tahun

Pendidikan rendah meliputi 'Key Stage 1' (KS1) dan 'Key Stage 2' (KS2). Key Stage 1 meliputi tahun 1 dan tahun 2 di mana di akhir tahun 2, pelajar akan dinilai dengan satu penilaian atau ujian yang dikenali sebagai 'Key Stage 1 National Curriculum Tests' (juga dikenali sebagai SATs: Standard Assessment Test). Key Stage 2 pula meliputi tahun 3, tahun 4, tahun 5 dan tahun 6, di mana di akhir tahun 6, pelajar akan dinilai sekali lagi dengan ujian 'Key Stage 2 National Curriculum Tests' (SATs).

- Pendidikan Menengah : Tahun 7 hingga Tahun 11 dan bagi peringkat umur 12 tahun hingga umur 16 tahun

Pendidikan menengah bermula pada peringkat umur 12 tahun iaitu pada Tahun 7. Di akhir Tahun 9, pelajar dinilai dengan satu lagi ujian yang dikenali sebagai 'Key Stage 3 National Curriculum Tests' (SATs). Pelajar kemudiannya belajar di Tahun 10 dan Tahun 11 di mana pada akhir Tahun 11, pelajar akan mengambil peperiksaan kebangsaan (National Examination) yang dipanggil 'General Certificate of Secondary Education' (GCSE). GCSE adalah peperiksaan kebangsaan utama di akhir pendidikan menengah di England. Pendidikan menengah tinggi atau pun tingkatan enam (post secondary) di tawarkan kepada pelajar di Tahun 12 dan Tahun 13 bagi memperolehi sijil 'A' Level atau yang seumpamanya.

Berdasarkan '1996 Education Act of the UK', pendidikan di England adalah diwajibkan kepada semua kanak-kanak sehingga mereka mencapai umur 16 tahun. Walaupun pendidikan diwajibkan, kehadiran ke sekolah tidak dimestikan. Ini bermaksud, mereka boleh diberi pendidikan di rumah. Pendidikan di England juga adalah percuma untuk semua pelajar dari umur 5 tahun sehinggalah 16 tahun.

4. STRUKTUR PENGURUSAN DI SEKOLAH

Struktur pentadbiran di sekolah agak pelbagai dan berbeza antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Ianya juga bergantung kepada jenis dan bentuk sekolah. Secara ringkas dan umum, sekolah diketuai oleh seorang pengetua (Head Teacher: HT) dan disokong oleh kumpulan pengurusan (Senior Leadership Team: SLT) yang terdiri daripada beberapa Timbalan Pengetua (Deputy Head Teachers) yang jumlahnya bergantung kepada jenis dan saiz sekolah, beberapa orang Penolong Pengetua (Assistant Head Teachers), Ketua Guru Tingkatan (Head of Year: HoY), Ketua Jabatan (Head of Faculty) dan seorang Pengurus (Business manager) yang bertanggungjawab terhadap urusan kewangan, perjawatan, pembangunan serta urusan perhubungan luar. Di samping itu, sekolah dikawalselia oleh Lembaga Pengelola Sekolah (School Governing Body) yang antara lain berfungsi menentukan kedudukan dan pemilihan pengetua dan juga meluluskan bajet sekolah.



Pihak Berkuasa Pendidikan Tempatan (LEAs) bertindak sebagai perunding dan tidak terlibat dengan pentadbiran sekolah. Guru di sekolah tidak terlibat dengan mesyuarat luar, kursus atau taklimat oleh pejabat pendidikan dan sekaligus mengelakkan guru meninggalkan kelas atau pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kursus atau taklimat sering dijalankan oleh pihak sekolah sendiri. Polisi atau arahan disampaikan melalui emel atau laman web. Guru dipilih dan dilantik oleh sekolah dan untuk itu, mereka bertanggungjawab sepenuhnya kepada sekolah.

Di sekolah yang peserta kursus ini ditempatkan, jumlah guru dan kakitangan sekolah umumnya ditentukan oleh sekolah berkenaan bergantung kepada kedudukan kewangan masing-masing. Guru terlibat terus dengan proses P&P dan tidak dalam aspek kokurikulum atau sukan yang biasanya dijalankan oleh jurulatih khas sama ada jurulatih luar atau yang dilantik tetap oleh sekolah. Aktiviti sukan dan pertandingan dikendalikan dan diletakkan di bawah Jabatan Pendidikan Jasmani sekolah berkenaan. Di sesetengah sekolah pula, pembantu guru disediakan untuk membantu guru di bilik darjah. Pembantu guru tidak mengambil alih tugas guru atau bukan 'relief' guru semasa guru berkenaan tidak hadir. Pembantu guru sering digunakan untuk membantu pelajar bermasalah pembelajaran atau program khusus di bilik darjah bagi meningkatkan pencapaian kumpulan pelajar berkenaan. Guru 'relief' (Cover teacher) pula dilantik oleh sekolah dan selalunya daripada senarai guru-guru 'pool' yang telah mendaftar lebih awal. Guru ganti (yang bukan guru tetap sekolah) yang melaksanakan 'relief' dalam tempoh tertentu dibayar oleh pihak sekolah sendiri melalui peruntukan sedia ada.

Walaupun dasar pemilihan ditentukan oleh pengurusan sekolah dan disahkan oleh lembaga pengelola sekolah, urusan pemilihan dan kemasukan pelajar (termasuklah kempen/publisiti) dibuat oleh kakitangan bukan guru. Di samping itu urusan peperiksaan, keputusan dan data yang berkaitan sama ada diperingkat peperiksaan sekolah mahupun peperiksaan umum diletakkan di bawah pengurusan unit penilaian atau peperiksaan diketuai oleh seorang pegawai bukan guru (examination Officer). Umumnya, kakitangan bukan guru di sekolah termasuklah pengurus (Business/Finance manager), pembantu khas kepada pengetua (Personal Assistant), setiausaha (Secretary), jurutera IT (ICT engineer), pegawai peperiksaan (Exam officer), pegawai perhubungan luar (External relations officer), pegawai kebajikan (Student support and welfare officer), pegawai kehadiran dan disiplin (Behaviour and attendance officer), pengurus kawasan dan bangunan (Site Manager), kakitangan penyelenggaraan (Building maintenance workers), pembantu guru (Teacher or learning support assistants) dan kakitangan pejabat (Office staff).

5. PENGURUSAN BERASASKAN SEKOLAH (SBM - SCHOOL-BASED MANAGEMENT)

Di England, mengikut Caldwell (2005) SBM ialah "the systematic decentralization to the school level of authority and responsibility to make decisions on significant matters relating to school operations within a centrally determined framework of goals, curriculum, standards and accountability". SBM dari segi pengoperasian amat hampir dengan maksud autonomi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ini bermaksud, oleh kerana sekolah mengetahui keperluan dan kekuatan serta kelemahan anak-anak didik mereka, bertanggungjawab mengurus dan mendidik dan diletakkan di bahu sekolah.

Umumnya SBM dikaitkan dengan 'Decentralization', 'Restructuring', 'Site-based management', 'Participatory decision-making', dan 'Shared decision making'. Ciri penting SBM ialah pembuatan keputusan (decision making), pengupayaan kuasa (Delegation of power), pertanggungjawaban (Accountability) dan pencapaian dan prestasi (Achievement and performance).

Beberapa penulis di England mengatakan bahawa SBM meningkatkan pertanggungjawaban (accountability), meningkatkan pencapaian pelajar, meningkatkan keberkesanan pentadbiran dan melibatkan ibu bapa secara efektif. Sekolah di kawasan London sebagai contoh telah melaksanakan SBM (autonomi) dalam aspek-aspek berikut:



- Pengurusan kewangan (Financial delegation), guru, kakitangan bukan guru, pemasaran, peralatan, peperiksaan, penyelenggaraan dan perkhidmatan (spt telefon dan elektrik). Yuran kemasukan sekolah juga ditentukan oleh sekolah.
- Formula peruntukkan seperti bilangan pelajar dan umur pelajar.
- Pilihan untuk kemasukan ke sekolah - ibubapa boleh memilih sekolah yang disukai. Sekolah pula menyediakan syarat dan peraturan yang ditentukan sendiri walaupun diawasi oleh Lembaga pengelola sekolah
- Pengurusan Guru dan Staf bukan guru -aspek bilangan, bayaran atau gaji guru dan staf bukan guru (Sekolah bertanggungjawab untuk melantik atau memecat guru/staf dan menyediakan latihan mengikut keperluan sekolah)
- Tahap pertanggungjawaban yang tinggi - diukur dari segi indikator prestasi/pencapaian - kerana sekolah menggunakan wang rakyat (public money). Audit akaun dan juga penaziran (OFSTED) digunakan sepenuhnya untuk tujuan ini. (OFSTED-Office for Standards in Education adalah badan penaziran rasmi di England).
- Lembaga Pengelola (Board of Governors) bagi setiap sekolah adalah kuasa pembuat keputusan dan mempunyai akauntabiliti yang tertinggi.

6. DASAR "EVERY CHILD MATTERS"

Dasar 'Every Child Matters' sebenarnya adalah lahir daripada Akta Kanak-kanak (2004) England. Pada tahun 2000, seorang kanak-kanak berumur 8 tahun, Victoria Climbié, dari Ivory Coast telah didapati mati akibat daripada didera dan kurang pemakanan. Ekoran dari peristiwa ini, satu siasatan awam di ketuai oleh Lord Laming telah dijalankan dan beberapa cadangan telah dikemukakan. Lord Laming menyatakan bahawa penjagaan kanak-kanak tidak dapat dipisahkan daripada dasar bagi meningkatkan kehidupan mereka secara keseluruhan. Dasar ini menyebut 'Every child has the potential to succeed in life with the provision of equal opportunity made available in seeking quality education'. Dasar ini dibuat untuk melindungi kanak-kanak dan memaksimumkan potensi mereka. Ianya memastikan setiap kanak-kanak diberi peluang untuk memenuhi potensinya dengan mengurangkan tahap kegagalan mereka dalam pendidikan, penyakit atau kesihatan, salah guna dadah, remaja mengandung, jenayah dan tingkah laku anti-sosial di kalangan kanak-kanak dan remaja. Lima hasil (outcomes) yang diharapkan daripada Dasar "Every Child Matters" di England ialah Selamat (Be safe), Sihat (Be healthy), Gembira dan Berjaya (Enjoy and achieve), Status ekonomi yang baik (Achieve economic well-being) dan menyumbang secara positif (Make a positive contribution).

Dalam konteks ini, setiap pelajar termasuk yang mempunyai keperluan khas (SENs - Special Educational Needs) diberi tempat yang istimewa termasuklah keperluan fizikal dan infrastruktur di sekolah seperti pintu automatik, laluan dan bilik air khas untuk orang kurang upaya dan sebagainya. Di samping itu, pelajar yang mempunyai keupayaan luarbiasa (gifted, able and talented learner) juga diberikan perhatian seperti program berbentuk 'accelerated' atau 'fast-track'.

7. PROGRAM SEKOLAH 'CIMERLANG' (SPECIALIST SCHOOL PROGRAMME)

Program ini adalah satu inisiatif di mana sekolah-sekolah yang telah mencapai prestasi cemerlang (high-performing schools) di tawarkan (atau diberi peluang memohon) untuk mengendalikan program atau kursus (satu atau lebih bidang) yang khas yang dikenali sebagai bidang utama atau 'niche'. Sekolah yang berikan penarafan 'specialist' diberi tempoh selama 4 tahun dan selepas itu akan dinilai semula atau sekolah perlu memohon semula penarafan semula berdasarkan pencapaian sasaran (key performance indicators) yang telah ditetapkan. Sekolah yang diberi taraf 'specialist' ini akan diberikan peruntukan khas sesuai dengan status sekolah cemerlang itu. Sekolah juga boleh menentukan penaja atau syarikat (swasta) yang boleh membantu dan menambah sumber kewangan sekolah. Kerajaan juga mewujudkan geran khas bagi sekolah 'specialist' ini. Selain mempunyai pencapaian cemerlang serta potensi untuk lebih cemerlang, syarat kelayakan tambahan



bagi menerima penarafan 'specialist' ialah sekolah perlu mendapatkan tajaan sekurang-kurangnya 50,000 (UK pounds). Sesudah mencapai taraf 'specialist' sekolah berkenaan boleh menerima sebanyak 100,000 (UK pounds) selain peruntukan 129 (UK pounds) bagi setiap orang pelajar dalam tempoh 4 tahun.

Pengwujudan program ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian semua pelajar dalam matapelajaran 'specialist' di samping mengukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran berkenaan sekaligus meningkatkan nama sekolah berkenaan untuk matapelajaran berkenaan. Ianya juga memberi peluang untuk setiap pelajar mendalami pelajaran vokasional khususnya dalam matapelajaran yang dipilih. Program ini sekaligus mewujudkan ethos di mana ciri dan identiti subjek utama yang dipilih akan dicerminkan melalui misi objektif dan budaya sekolah. Program ini juga akan menggalakkan permuafakatan dan kolaborasi antara sekolah bagi memudahkan peluang pembelajaran yang lebih berkualiti serta berkongsi kemudahan dan juga amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik.


Walaupun sekolah ini mengikuti sepenuhnya kurikulum kebangsaan seperti sekolah biasa tetapi ia mempunyai kelebihan dari segi penawaran mata pelajaran khas atau utama yang lebih mendalam dan luas. Untuk itu, sekolah atau kolej ini juga dikenali dengan nama 'specialism' berkenaan seperti seperti kolej kemanusiaan, kolej sukan, kolej bahasa, kolej sains, kolej sukan, kolej muzik atau gabungan beberapa bidang. Antara contoh kumpulan atau gabungan 'bidang utama' atau niche di England adalah seperti, Arts + Business & Enterprise, Engineering + Humanities, Language + Maths & Computing, Music + Science, Sports & Technology dan Technology & Language.

Di England berdasarkan laporan penaziran (OFSTED), program ini telah memberikan lebih motivasi kepada sekolah untuk lebih cemerlang khususnya dalam bidang utama (specialism) yang ditawarkan. Di samping itu ianya memberikan nilai tambah (value added) kepada pelajar dan sekolah selain daripada penawaran subjek dalam kurikulum kebangsaan. Ianya juga memudahkan proses melakukan perubahan dengan cepat dan meningkatkan tahap pencapaian dalam peperiksaan awam dan kemahiran khusus pelajar. Sekolah lain yang belum mendapatkan penarafan 'specialist' akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan penarafan dan mendapatkan keistimewaan daripada kerajaan dan juga ibu bapa.

8. BADAN PENAZIRAN (OFSTED - OFFICE FOR STANDARDS IN EDUCATION)

Akta Pendidikan dan Penaziran 2006 (The Education and Inspection Act 2006) telah mengemukakan 3 aspek penting dan baru bagi setiap nazir yang melaksanakan tugas mereka di England iaitu: 1) Untuk meningkatkan pembaikan dalam perkhidmatan awam yang mereka periksa atau lawati; 2) Untuk memastikan perkhidmatan mereka berfokus kepada kepentingan pelajar, ibu bapa, dan majikan yang menggunakan perkhidmatan mereka; dan 3) memastikan perkhidmatannya adalah cekap dan berkesan.

Semua sekolah di England dilawati oleh nazir sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 tahun. Laporan penaziran adalah gabungan hasil daripada pencerapan/pemerhatian nazir, penilaian sendiri oleh pihak sekolah (SEF -Self Evaluation Form), data pencapaian, kerja murid, pencerapan pengajaran dan pembelajaran serta input atau maklumbalas daripada ibubapa dan perbincangan dengan murid dan kakitangan sekolah. Penilaian Kendiri Sekolah (SEF) mengandungi 7 unsur penting iaitu: 1) Ciri sekolah (jenis, ethos, status, pelajar, visi dan misi) 2) pandangan pelajar, ibubapa dan lain-lain pelanggan yang berkaitan (stakeholders); 3) Pencapaian sekolah dan piawai; 4) Data dan maklumat mengenai perkembangan pelajar (seperti aspek moral, disiplin dan sahsiah); 5) Kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh sekolah (termasuklah pengajaran guru, perkhidmatan bimbingan); 6) Kualiti pengurusan dan kepimpinan (termasuklah aspek pengurusan kewangan dan perjawatan); dan 7) Kecekapan dan keberkesanan secara keseluruhan.



OFSTED meletakkan empat gred bagi menggambarkan pencapaian sekolah iaitu Grade 1 Cemerlang (Outstanding); Grade 2 Baik (Good); Grade 3 Memuaskan (Satisfactory); dan Grade 4 Tidak Mencapai Tahap (Inadequate). Laporan ini juga memberikan maklumbalas terhadap aspek yang perlu diperbaiki atau diperingkatkan dan untuk itu, laporan ini digunakan oleh sekolah sebagai asas untuk peningkatan dan pembaikan. Lembaga Pengelola sekolah berkenaan perlu menghantar laporan ini kepada semua ibubapa dan penjaga pelajar dalam tempoh 5 hari selepas menerimanya.

9. RAKAN UNTUK PENINGKATAN SEKOLAH (SIP - SCHOOL IMPROVEMENT PARTNER)

Di England, SIP diperkenalkan untuk menjadi wadah bagi sekumpulan sekolah menyediakan bantuan professional khususnya untuk menilai pencapaian dan mengenalpasti bidang keutamaan bagi meningkatkan keupayaan bagi melakukan perubahan yang lebih berkesan. Aspek kepimpinan menjadi agenda dan fokus utama. SIP tidak mengganggu autonomi dan pentadbiran sekolah berkenaan tetapi ianya melihat pencapaian dan keupayaan pelajar, membantu perkembangan professional guru dan pencapaian sekolah. Setiap sekolah yang menjadi rakan SIP akan memperuntukkan sebanyak 5 hari setahun untuk perkembangan professional di peringkat kebangsaan, negeri/daerah dan sekolah. Data sekolah serta rekod pencapaian akan menjadi asas penting dalam penilaian sesebuah sekolah. Kekuatan dan kelemahan sekolah dikenal pasti secara professional dan seterusnya perancangan strategik dan tindakan untuk kejayaan dibuat. Pengetua juga dinilai dari segi pencapaian menggunakan satu sistem yang disepakati. Rakan SIP ini akan menyediakan laporan tentang pencapaian pengurusan sekolah dan juga sekolah secara keseluruhan termasuk nasihat untuk tindakan pembaikan diberikan kepada Lembaga pengelola sekolah. Pihak berkuasa tempatan (LEAs) berfungsi untuk menyelaras kumpulan SIP untuk sekolah-sekolah di bawah kawalannya.

Umumnya SIP melihat dan menganalisis setiap aspek operasi sekolah (yang dipilih) dan mencadangkan bantuan untuk pembaikan. SIP juga bekerjasama dengan guru dan ibu bapa (sekolah berkenaan) untuk merancang, melaksanakan dan memantau sasaran peningkatan/pembaikan. SIP juga memberikan maklumbalas (biasanya separuh tahun) terhadap keberkesanan guru dan pengurusan sekolah. SIP tidak berbentuk punitif tetapi lebih bantuan dan sokongan kepada rakan untuk sama-sama membantu sekolah.

SIP memberi peluang untuk sekolah bekerjasama dengan sekolah-sekolah lain atau dengan pejabat atau jabatan pendidikan daerah atau negeri. SIP juga mempunyai kemudahan mendapatkan dan member nasihat dan perkembangan profesional secara on-line dan sekaligus menyumbang kepada peningkatan sekolah secara menyeluruh.


10. PENUTUP

Pengalaman dan pendedahan yang dilalui peserta dalam kursus ini amat bermakna dan membantu untuk 'berfikir di luar kotak' khususnya dalam konteks sebagai seorang pengurus dan pemimpin sekolah. Penulisan di atas adalah catatan ringkas bagi memberikan gambaran umum mengenai sistem persekolahan dan juga amalan kepimpinan dan pengurusan di sekolah di England. Beberapa dapatan di atas adalah amalan yang dipraktikkan di kebanyakan sekolah di England (khususnya sekolah di kawasan London dan sekitar) dan ianya mungkin perlu pengubahsuaian dan penyesuaian jika ianya ingin digunakan dalam senario negara kita. Dengan hasrat PIPP yang murni, penulis percaya dapatan ini boleh membuka ruang pemikiran kita untuk mengurus dan memimpin sekolah kita dengan lebih kreatif dan efektif.



BIBLIOGRAFI

- C. Richards (2001) *School Inspection in England: A Re-Appraisal*, London, PESGB.
- Caldwell, B. J. (2005). Autonomy and self-management: Concepts and evidence. In Bush, T., & Bell, L. (Eds.), *The Principles and Practice of Educational Management* (pp. 21-40). London: Paul Chapman Publishing.
- Chamber P ed. (2004) *Learning to think, learning to learn. Three specialist schools' approaches*. Specialist Schools Trust
- Cheng, Y. C. (1996) Models of school effectiveness, Chapter 2 in Y. C. Cheng, *School Effectiveness and School-based Management*. London: Falmer Press, pp. 18-28.
- DfES (2002) *Specialist Schools Ofsted Report*
- Docking, J. (ed.) (2000) *New Labour's Policies for Schools: Raising the Standard*, London: David Fulton.
- Fullan, M. and Hargreaves, A. (1992) *What's Worth Fighting for in Your School?* Milton Keynes: Open University Press.
- Fullan, M., & Watson, N. (2000). School-based management: Reconceptualizing to improve learning outcomes. *School Effectiveness and School Improvement*, 11(4), 453-474.
- Hatcher, R. (1998) Labour, Official School Improvement and *equality*, *Journal of Education Policy*, 13(4) 485-499.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006), *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*
- Ofsted. Every Child Matters: School Inspection Framework 2005, available online.
- Reynolds, D. & Teddlie., C. with Creemers, B. Scheerens J. & Townsend, T (2000). An introduction to school effectiveness research. in C. Teddlie & D. Reynolds *International Handbook of School Effectiveness Research*. (pp. 3-25) London and New York: Falmer.
- Tomlinson, S (2001) *Education in a Post-Welfare Society*, Buckingham, Open University Press, pp. 85-111
- West A (2000) *Examining the impact of Specialist Schools*



Appendik A

Educational Structure

AGE (years)	STATE SECTOR		PRIVATE SECTOR	
2.5	Nursery / Kindergarten		Nursery / Kindergarten	
3				
4				
5	Infant / First School	National Curriculum	Preparatory School	
	Year 1	Key Stage 1		
6	Year 2			
7	Year 3	Key Stage 2	Lower 1 st	
8	Year 4		1 st Form	
9	Middle School		Upper 1 st	
	Year 5			
10	Year 6	Key Stage 3	2 nd Form	
11	Secondary / Upper School		Senior School	
	Year 7			
12	Year 8		1 st Form	Lower 3 rd *
13	Year 9	Key Stage 4	2 nd Form	Upper 3 rd *
			Secondary / Upper School	
14	Year 10	Key Stage 4	3 rd Form	Lower 4 th *
15	Year 11		4 th Form	Upper 4 th *
16	Year 12		5 th Form	
17	Year 13		Lower VI th	
			Upper VI th	

* - Names used at certain schools

A short guide to the key stages

Foundation year


Age 3-5, reception year

Key Stage 1

Age 5-7. Years 1 and 2. National tests (SATS) and tasks in English and maths at the end of year 2.

Key Stage 2

Age 7-11. Years 3, 4, 5 and 6. National tests (SATS) in English, maths and science at the end of year 6.



Key Stage 3

Age 11-14. Years 7, 8 and 9. National tests (SATS) in English, maths and science.

Key Stage 4

Age 14-16. Years 10 and 11. Most children take GCSEs or other national qualifications during this key stage.

Post compulsory education and/or training

Ages 16-19. Years 12 and 13 (college years 1 and 2). Learning programmes leading to general, vocationally related and occupational qualifications, for example A level, vocational A level, NVQ, modern apprenticeship.

National Curriculum

The National Curriculum is set by the government and must be followed in all state schools. Most private schools follow the National Curriculum, but they have more flexibility in the number of subjects on offer.

The National Curriculum is made up of the following subjects:

English	Science
Design & Technology	Art
Geography	Physical Education
Maths	History
Information Technology	Modern foreign language
Music	

Key Stage	Age (years)	Description
1	5 - 8	All subjects in the National Curriculum are studied except a modern foreign language
2	8 - 11	
3	11 - 14	Core subjects: Maths / English / Science (single or double time allocated) / one foreign language / technology. In addition children must study at least one humanity subject - geography or history, and at least one arts subject - art, physical education or music. Depending on the school's timetable, children may study both humanities and all arts subjects, if they wish.
4	14 - 18	Public examinations: GCSE and GCE "A" Level